

Pengarang : Avila Geraldine Samuel
Akbar : Daily Express
Tarikh : 27 Januari 2010
Bahasa : Melayu
Subjek : Educations
Mukasurat : 4



ROSNAH (empat kiri) melawat tapak pengkulturan rumpai laut UMS.

UMS berhasrat jadi pusat kecemerlangan kebangsaan

Avila Geraldine Samuel

SEMPORNA: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berhasrat untuk menjadi salah satu daripada pusat kecemerlangan di negara ini menjelang 2011 bagi penyelidikan dan perkembangan (R&D).

Timbalan Naib Canselor,

Profesor dr Rosnah Ismail berkata para penyelidik UMS telah menunjukkan perkembangan di dalam R&D sejak beberapa

tahun kebelakangan ini.

"Kami sedang bergerak ke arah R&D dan ia telah banyak meningkat. Kami gembira melihat para penyelidik kami sekarang menjadi lebih bersemangat dan lebih inovatif berbanding dahulu.

"Kami ingin menonjolkan R&D kami dan UMS sedang berusaha gigih ke arah menjadi universiti penyelidikan kerana ia merupakan aspirasi kami... dan kami berharap sekurang-kurangnya satu atau dua daripada institusi penyelidikan kami akan menjadi pusat kecemerlangan kebangsaan.

"Enam universiti akan dipilih sebagai pusat kecemerlangan dan ia akan diumumkan oleh kementerian jadi kami berharap untuk mendapat tempat... jika tidak pada tahun ini, mungkin pada tahun berikutnya," kata beliau selepas melawat program Projek Pengkulturan Rumpai Laut di sini, baru-baru ini.

Program lawatan tiga hari itu diketuai oleh Rosnah, dijalankan untuk memantau perkembangan

projek yang dilaksanakan oleh UMS itu.

Memberi projek rumapi laut sebagai contoh, menurut beliau, UMS diiktiraf sebagai agensi peneraju untuk R&D di rantau Bimp-Eaga – satu inisiatif kerjasama oleh Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Filipina untuk mempergiat perkembangan ekonomi di dalam kawasan fokus keempat-empat negara tersebut.

"Rumpai laut adalah projek jurusan kami dan disebabkan itulah kami benar-benar menumpukan perhatian kepada projek ini (selain akuakultur marin)... UMS memulakan projek ini pada 1998 di Pulau Banggi untuk menaiktaraf pendapatan isi rumah.

"Kami ingin membantu membantarkan kemiskinan dan menggalakkan sebanyak mungkin peserta untuk terlibat di dalam projek ini. Projek ini berjaya dan kini kami menjalankannya di sini (Semporna)."

Sehingga ke saat ini, Rosnah berkata UMS akan menandatangani satu MoU dengan Felda pada 28 Januari di Kuala Lumpur, yang akan disaksikan oleh Perdana Menteri.

"Ini menunjukkan bahawa projek rumpai laut ini adalah penting dan bahawa UMS dan juga Felda adalah serius dalam membantu untuk mengatasi masalah kemiskinan isi rumah di Sabah dan untuk menaiktaraf standard kehidupan," kata beliau.